

**PKR Fail Petisyen Pilihan Raya Bagi Kerusi Parlimen Pasir Gudang Dan Tebrau  
Bernama  
12 June, 2013**

JOHOR BAHRU, 12 (Bernama) -- Dua calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Rabu memfailkan petisyen pilihan raya bagi kawasan Parlimen Pasir Gudang dan Tebrau untuk mengisytiharkan keputusan pilihan raya umum ke-13 bagi kedua-dua kerusi itu sebagai tidak sah.

Dr Ahmad Faidhi Saidi dan Choong Shiau Yoon memfailkan petisyen mereka melalui peguam Tan Poh Lai dan diserahkan kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini kira-kira pukul 9.30 pagi.

Pada pilihan raya umum berkenaan, calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Pasir Gudang Normala Abdul Samad mengalahkan Dr Ahmad Faidhi dengan majoriti 935 undi manakala calon BN Parlimen Tebrau Khoo Soo Seang menewaskan Choong dengan majoriti 1,767 undi.

Kedua-dua pempetisyen itu menamakan Normala dan Khoo, Pegawai Pengurus Pilihan Raya Parlimen Pasir Gudang dan Tebrau serta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai responden.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955574>